



SIARAN AKHBAR

- 1. PENANGGUHAN ACARA LARIAN HARI KEBANGSAAN 2020**
- 2. PENUTUPAN KOLAM RENANG DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Dengan mengambilkira situasi jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada masa ini, dan selaras dengan saranan Kementerian Kesihatan pada 13 Mac 2020, yang memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua acara-acara keramaian atau perkumpulan termasuk acara kesukanan adalah tidak dibenarkan buat sementara waktu.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyarankan orang ramai dan penganjur-penganjur bagi acara-acara kebudayaan, kemasyarakatan, kebelaian dan kesukanan secara berkumpulan untuk ditangguhkan buat sementara waktu.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya mengumumkan bahawa acara Larian Hari Kebangsaan 2020 (HK36) yang dijadualkan pada Hari Ahad, 29 Mac 2020, bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien adalah dengan ini ditangguhkan.

Bagi yang telah mendaftar dan membuat pembayaran, dikehendaki menyimpan resit berkenaan dan tarikh pengambilan baju juga ditangguhkan. Untuk maklumat lanjut, orang awam bolehlah menghubungi terus ke Jabatan Belia dan Sukan di talian 2381905 sambungan 1630 atau 1626.

Berikutan perkembangan terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengumumkan bahawa semua kompleks kolam renang dibawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diseluruh negara adalah ditutup bermula 15 Mac 2020, sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam menangani situasi jangkitan COVID-19 di negara ini.

-TAMAT-

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

20 Rejab 1441 / 15 Mac 2020